

Surat khabar: Utusan Malaysia

Hari/Tarikh: 7/11/2012

Muka surat: 26

Apresiasi filem wujud budaya tonton

**KOTA SAMARAHAN 6
Nov. - Program apresiasi
filem yang julung kalinya
berlangsung di Universiti
Malaysia Sarawak
(Unimas) pada Sabtu lalu
dilihat dapat membantu
mewujudkan budaya
menonton filem Melayu
dalam kalangan rakyat
khasnya pelajar institusi
pengajian tinggi (IPT).**

**Pensyarah Fakulti Seni
Gunaan dan Kreatif
(FSGK), Unimas, Abdul
Riezal Dim berkata, dalam
masa sama program
berkenaan mampu
menggandakan pertumbuhan
industri filem khasnya di
negeri ini.**

**"Kehadiran
tokoh-tokoh ternama
dalam dunia perfileman
negara diharapkan dapat
membantu memberi
pendedahan industri
sebenar kepada pelajar-
pelajar perfileman dan
para peminat," katanya.**

**Apresiasi filem bertajuk
Jalan Kembali: Bohsia 2
itu menampilkan pemilik
Skop Production, Datuk
Yusof Haslam sebagai ahli
panel dan pelakon utama
filem itu, Sofi Jikan dan
Salina Saibi.**